

Murid sambung cuti, sekolah masih banjir

Oleh **MUSTAPA LAKAWA**
dan **KAMARUDIN HAMZAH**
berita@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU – Kira-kira 750 murid dari dua buah sekolah di daerah Jerleh, Besut dekat sini terpaksa diarahkan pulang apabila sekolah mereka ditenggelami air sedalam hampir satu meter sejak semalam.

Dua sekolah terbabit iaitu Sekolah Rendah (SK) Bukit Puteri yang melibatkan seramai 568 orang murid dan selebihnya SK Tok Raja selebihnya.

Timbalan Pegawai Pelajaran Daerah Besut, Abd. Halim Hassan berkata, pihak sekolah telah membenarkan semua pe-

lajar pulang ke rumah masing-masing atas faktor keselamatan memandangkan paras air yang semakin meningkat.

Katanya, beberapa lagi buah sekolah termasuk SK Kampung Baru Tok Dor, Jabi mengambil langkah berjaga-jaga dengan menempatkan semua murid di tingkat atas bangunan sekolah.

“Hujan lebat sejak kelmarin menyebabkan beberapa buah sekolah di kawasan rendah ditenggelami air sedalam hampir satu meter dan keadaan ini jelas membahayakan murid sekolah.

“Pihak kita juga memantau keadaan ini dan hanya akan membenarkan semua murid kembali ke sekolah apabila kea-

daan banjir sudah pulih,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, hujan lebat yang berterusan sejak kelmarin turut menyebabkan 500 orang dari Tersat dan Hulu Temong di Hulu Terengganu dekat sini telah dipindahkan ke pusat pemindahan.

Sementara itu, jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri memberitahu, lima pusat pemindahan dibuka di Hulu Terengganu iaitu di Balai Raya Kampung Menjing, Balai Raya Kampung Pengkalen Ajal, Balai Raya/Masjid Kampung Sekayu, Surau Kampung Baru, Pasir Dua dan sebuah di Kampung Merbau Menyusup, Setiu.



IBU BAPA dan murid SK Bukit Puteri Jerleh, Besut mengharungi banjir selepas diarahkan pulang semalam.